

Peringatan: Pertanyaan-pertanyaan yang tidak disertakan tandatangan dan alamatnya yang terang tidak diraikan, juga pertanyaan-pertanyaan mengenai disekeliling hal ehwal masyarakat kita itulah yang diutamakan daripada soal-soal yang sulit-sulit dan jarang berlaku oleh kerana ruangan ini adalah berguna juga untuk panduan pembaca-pembaca.

-----\*-----



Khas bagi Majalah Qalam – Tidak Dibenarkan Dikutip

-----\*-----

Salma binti Abdul Ghani, Sekolah Perempuan Melayu Bandar tinggi, Batu Pahat bertanya: Apakah perbezaannya perempuan menunggang kuda dengan perempuan naik basikal-adakah hilang dara gadis itu menaikki kedua-dua kenderaan itu?

Jawapan: Tidak ada perbezaan di antara menunggang kuda dengan menunggang basikal selain daripada jenis tunggangan itu. Kita telah bertanya kepada seorang tabib tentang adakah dara itu boleh hilang dengan kerana menunggang basikal atau menunggang kuda atau pun berlari dan melompat. Daripada tabib itu kita mendapat jawapan bahawa menunggang kuda, menaikkan basikal, melompat dan berlari itu tidak akan merosakkan gadis perempuan itu oleh kerana ia terletak di dalam rahim perempuan itu. Dengan sebab-sebab yang tersebut ia tidak akan rosak dikecualikan dimasukkan sesuatu benda ke dalamnya pada hal di dalam cara-cara yang tersebut tidak terjadi yang demikian sekianlah pendapatannya doktor itu yang kita percaya akan menjadi jawapan yang tepat dan berdasar kepada ilmu pengetahuan yang sesuai dengan kehendak pertanyaan itu.

-----\*-----

Syafiq Forest Guard, Trolak, Perak bertanya: Bagaimanakah hukumnya seseorang memelihara angsa- adakah tiap-tiap rumah yang memelihara angsa tidak dihampiri oleh malaikat rumah-rumah itu?

Jawab: Tidak ada keterangan yang kita dapat manakah orang memelihara angsa dan menyatakan bahawa malaikat tidak

ada hampir di rumahnya angsa itu binatang yang halal dimakan dan binatang yang suka bising apabila melihat orang-orang berjalan berhampiran dengan tempatan dan dengan kerana itu harus dinyatakan oleh orang bahawa "Malaikat" tidak mahu menghampiri rumah-rumah itu. Barangkali petua ini terbitnya daripada pencari atau orang-orang yang suka mengendap rumah-rumah orang kerana biasanya walau bagaimana pun angsa itu akan ribut apakala ternampak atau tercium bahu orang dekat tempat-tempatnya.

-----\*-----

Abdul Aziz bin Ahmad, Kampung Kembal Batu, Padang Rengas, Perak bertanya: Jam itu sangat besar gunanya- siapa nama, bangsa dan negeri orang yang mula-mula mereka jam itu?

Jawab: Jam besar yang pertama digantung pada mula-mulanya pada tahun 1253 oleh Henry ketiga. Jam-jam meja dibuat pada kurun kelima biasa dicermanni tetapi jam ini sangat-sangat besar untuk dimasukkan di dalam saku dan demikian Peter Hill seorang tukang jam Denoroumbrogh dengan mengadakan jam yang terkecil. Jam ini kemudian diperbaikki lagi oleh Jacob Zack dari bandar Prague pada tahun 1525. Pada tahun 1658 Hope mengadakan lebih baik daripadanya. Demikianlah permulaannya sehingga membawa perubahan-perubahan yang besar oleh orang-orang yang kemudiannya hingga hari ini.

-----\*-----

Ismi bin Bujang, Padang Sabang, Melaka bertanya: di dalam suatu pertelingkahan rumahtangga seorang isteri berpekkik-pekkik

ceraikan aku....dan suami berkata: "Sekali ini  
aku ceraikan engkau, aku jatuhkan talak engkau".  
Selepas dua tiga hari kemudian mereka berdekat-dekat  
berbaik-baik di antara keduanya – apa hukumnya?

Jawapan: Menurut pendapat sebahagian besar daripada ulama-ulama  
ahli fikah bahawa perempuan itu tertalak sama ada perkataan  
suami itu bermain-main atau pun dengan bersenda-senda.  
Salah satu daripada dalilnya maksudnya: Abu Hurairah telah  
berkata–Rasul (SAW) pernah bersabda: "Ada tiga  
perkara yang benar-benar jadi betul-betul dan bergurau  
pun jadi betul iaitu nikah, talak dan rujuk"  
–hadith sahih riwayat Ahmad, Abu Daud, Ibnu Majah  
Tirmizi, Dar al-Qatni dan Hakim.

Ada lagi tiga hadith berkenaan dengan ini  
diriwayatkan oleh Tabrani; Harith bin Usamah dan juga  
oleh Abdul Razak yang ketiga-tiganya maksudnya dan tujuannya  
lebih kurang seperti yang tersebut di atas. Tetapi faham ini telah  
ditolak oleh sebahagian daripada ulama ahli fikah kerana  
lemahnya hadith-hadith itu. hadith yang pertama yang mengesahkannya  
hanya Imam Hakim sahaja padahal hadith itu menurut ahli  
hadith ambilannya tidak bersih demikian juga ketiga-tiga  
hadith yang lain.

Sekiranya ucapannya mentalak isterinya itu dengan niat  
yang benar daripada hatinya nescaya jatuhlah talak atas  
perempuan itu tetapi sekiranya lafaznya itu di dalam  
kemarahan maka menurut pendapat sebahagian ulama tidak  
jatuh talaknya oleh kerana saha talak itu dilakukan,  
dengan azam iaitu berkehendakkan yang teguh dan tetap dan  
Allah telah berfirman maksudnya: "Dan jika mereka berazam  
menghendakkan talak maka sungguhnya Allah itu Pendengar,  
Pengetahui"-Q Al-Baqarah 226.

Dengan ayat ini sudah terang bahawa yang dipandang oleh Allah  
iaitu ialah talak yang dilakukan dengan azam-bukan  
dengan gurau atau permainan pendapatannya ini dikuatkan

lagi oleh beberapa hadith di antaranya (maksudnya)  
Aisyah telah berkata:"Tiada (sah) talak itu pada  
ketika marah"—hadith riwayat Ahmad, Abu Daud dan lain-lainnya.

Mudah-mudahan kenyataan ini akan memberi puas hati  
dan kita hanya mensihatkan walau bagaimanapun semolek-moleknnya  
yang demikian itu jangan dimudahkan dan jangan dilazimkan  
kerana apabila telah lazim dan menjadi kebiasaan ada tidak  
baiknya.

-----\*-----\*

Nik Kamal al-Din, Jalan Merbau, Kota Baharu,  
Kelantan bertanya: Apa hukumnya sekiranya suami isteri  
memakan ubat-ubat daripada hospital ataupun daripada dukun-dukun  
kampung sebelum merka bersetubuh kerana hendak menahan  
daripada hamil?

Jawab: Anak itu ialah pemberian Allah. Tidak ada  
kekuasaan manusia yang dapat mengatasinya. Kita telah melihat  
bahawa beberapa banyak hartawan-hartawan yang bermilion-milion hartanya  
tidak ada mempunyai anak sehingga ia mengambil anak orang  
dijadikan anaknya sekalipun ia telah berubat ke sana  
ke mari. Dengan sebab itu patut kita bersyukur apabila  
kita diberi oleh Tuhan dengan pemberian-pemberian itu dan salah  
benar sekiranya seseorang akan tidak mempercayai kepada  
yang demikian.

Tetapi telah terbit suatu galakan untuk mengurangkan  
beranak di dalam beberapa negeri dengan alasan bahawa orang yang  
banyak anak itu nanti tidak dapat menyempurnakan tanggungan  
tanggungan untuk mendidik anak-anak itu dengan sempurna tetapi  
kita berkeyakinan bahawa di dalam itu ada tersembunyi maksud-maksud  
yang lain, sebagaimana yang telah tersiar di dalam risalah-risalah  
yang dikeluarkan oleh pihak-pihak itu dapat difahamkan bahawa  
tujuan-tujuannya yang utama ialah supaya tidak menjadi satu  
bebanan kepada negeri untuk menyelenggarakan mereka itu kemudiannya  
teutamanya bagi mereka yang hidup di bandar-bandar seperti  
di Singapura ini umpamanya. Alasan ini sepanjang fahaman kita

adalah digantungkan kepada fahaman kebendaan–tidak mempercayai atas kekuasaan dan kudrat Tuhan kepada makhluknya.

Adapun tentang hukum-hukum yang menegah melakukan perbuatan atas yang hamil itu, sepanjang yang kita ketahui, ialah apabila telah melekat di dalam rahim perempuan ataupun telah berupa dan digugurkan maka perbuatan yang sedemikian itu berdosa besar bahkan di sebalik itu adalah merbahaya kepada kesihatan tentang meletakkan suatu perubatan kepada tiap-tiap kali hendak bersetubuh umpamanya menggunakan suatu ubat yang akan berkuatkuasa di dalam rahim perempuan itu selama satu jam untuk membunuh hama-hama yang bakal menjadi anak itu tidak ada keterangan yang dapat menegahnya tetapi sekiranya tempat peranakan itu ditutup atau diberi perubatan untuk menyekatnya supaya jangan beranak sama sekali, menurut pendapat kita adalah sangat-sangat ditegah.

Jawapan ini harap diperhati juga oleh tuan Ahmad bin Haji Nik Man Hills Office, Kuala Lipis Pahang

Ahmad bin Haji Abdullah, Madrasah Al-Falah, Bercat,

Bukit Gantang Taiping, Perak dan beberapa lagi pertanyaan-pertanyaan dari orang lain seumpamanya bertanya: Apa hukumnya wang Ringgit yang ada tersemat di dalamnya nama Allah seperti dipelihara Allah, dilanjutkan Allah pada hal wang-wang itu telah digunakan oleh bangsa-bangsa asing membeli benda-benda yang haram, di bawah masuk ke dalam jamban dan berbagai-bagi lagi.

Jawab: Negeri ini adalah sebuah negeri yang di bawah kekuasaan kerajaan yang bukan Islam. Yang membuat wang itu ialah kerajaan. Oleh yang demikian kerana masih ada iktiraf kerajaan kepada mufti-mufti di dalam berbagai-bagi negeri itu maka perkara-perkara ini semolek-moleknya mendapat perhatian yang tepat daripada mufti-mufti itu bagaimana caranya hendak mengurus perkara ini. Sebalik itu kita suka menarik perhatian bahawa, sepanjang yang kita ketahui, pada masa yang telah lalu iaitu dalam masa pemerintahan-pemerintahan Islam wang-wang dinar itu dikenakan ada juga bertanda dengan nama-nama Allah. Tetapi khabar ini

kita sendiri tidak melihatnya.

Tentang hukumnya sudah tentu syarak tidak menggemari kepada nama-nama itu terbawa di dalam tempat-tempat yang tidak baik seperti yang disebutkan itu–inilah sahaja yang dapat kita memberi keterangan dalam perkara ini kerana sebagaimana yang dimaklumi dalam permulaan jawab ini dan yang semolek-moleknya hendaklah mufti-mufti yang mas'ul itu memberi kenyataan-kenyataan yang lebih tepat.

-----\*-----\*

Yusuf bin Awang, Simpang Empat, Jeram, Perak bertanya: Mengapa orang-orang Melayu apabila ia telah meningkat naik pangkatnya atau pekerjaannya ia telah sompong umpamanya tidak menghiraukan kaum bangsanya pada hal nampaknya bangsa lain tidak begitu?

Jawab: Sombong itu tergantung pada masing-masing orang dan juga di dalam masing-masing bangsa tetapi harus semuanya tidak begitu kerana banyak juga daripada mereka itu yang ramah mesta dan merendah diri–semakin tinggi pangkatnya, semakin rendah hatinya barangkali oleh kerana ilmunya yang seakan-akan sesuai dengan pepatah “Ikutlah akan ilmu padi, kian berisi, kian rundup.” Harus juga orang-orang yang sompong dan mengangkat kepala itu kerana isinya kosong sebagaimana juga kadar padi kalau ia kosong tentu tegak dan mudah pula mengikut ke mada hala angin bertiup. Yang demikian harus juga terjadi kerana orang itu kurang imannya, tidak bersyukur bahawa perolehannya, pendapatannya dan keadaannya adalah dilimpahkan oleh Allah yang sepatutnya ia bersyukur dengan menundukkan diri kepada Allah serta merendahkan diri bergantung kepada kekuasaan jiwa.

-----\*-----\*

Ahmad Abdul Rahman, Kebun Ubi, Singapura bertanya: Adakah dibenarkan seseorang menghantarkan zakatnya keluar daripada tempat ia mengeluarkan zakat itu- A namanya zakat Singapura dihantar ke India?

Jawab: Hantaran itu boleh dengan syarat kalau kedudukan di dalam daerah yang ia mengeluarkan zakat itu tidak berhajat kepadanya. Tetapi di dalam keadaan seperti sekarang di dalam mana XXXXX dan sekian banyak orang-orang yang diutamakan menerimanya dan lain-lain lagi maka tidak boleh sesorang menghantar zakat-zakat itu keluar daerah itu kerana zakat itu bukan haknya dan bukan kawasan ia ialah hak orang-orang yang ditentukan untuk menerimanya di dalam daerah itu.

Perbuatan menghantarkan itu ke luar negeri selagi orang-orang itu berhajat menurut pendapat kita adalah merampas hak penduduk-penduduk daerah itu di dalam mana ia mendapat hasil dan faedah yang menetukan ia dapat mengeluarkan zakat.

-----\*-----\*

Lapang bin Samadi, Sungai Buman, Hutan Melintang Perak bertanya: Apa sebab perempuan-perempuan Islam banyak yang menjadi pelayan dan apa hukumnya?

Jawab: Sepanjang yang kita ketahui bahawa sebahagian besar yang menjadikan sebab mereka menjadi nelayan ialah kerana mencari sara hidup. Setengah-setengahnya ada mempunyai anak yang ditinggalkan oleh suaminya dengan tidak memberi tempat dan setengah-setengahnya pula ada ibu bapa atau saudara mara yang ditanggung tetapi ada juga yang sebagiannya kerana membawa hati-umpamanya tidak diambil endah oleh suaminya dan seumpamanya. Mereka itu menjadi pelayan haruslah boleh kerana tidak berpengetahuan yang boleh menjadikannya cagaran untuk mencari nafkah dengan jalan yang lain.

Di dalam mereka menjadi pelayan ini harus ada sedemikian sahaja, jika ada yang dapat mempertahankan maruahnya dan kebaikkannya daripada mereka itu di dalam menjadi pelayan mereka menjual maruah mereka, setengah-setengah minum barang-barang yang memabukkan dan sebagainya daripada perkara-perkara yang

sangat-sangat ditegah oleh Islam.

Melihat kepada keadaan-keadaan yang menjadi sebab mereka mencari tempat itu maka bolehlah dipandang bahawa mereka termasuk daripada orang-orang yang hampir yang berhajat kepada bantuan tetapi oleh kerana pertadbiran agama negeri ini tidak meliputi kepada kehendak-kehendak dan tujuan-tujuan pengajaran Islam tentang memungut zakat maka tidak ada satu daya upaya yang dapat dijalankan untuk menyelamatkan mereka itu daripada lembah yang hina membawa kepada mereka itu supaya bertaubat daripada kesalahannya dengan memberi pekerjaan atau pengajaran-pengajaran yang boleh melepaskan daripada pekerjaan-pekerjaan yang terkutuk bukan sahaja oleh agama bahkan juga oleh masyarakat umum.

-----\*-----\*

Haji Muhammad Nur, Simpang Empat Sitiawan, Perak bertanya: Mengapa agama Islam itu dijadikan empat mazhab serta berlainan pula hukumnya padahal Allah Subhanahu wa Taala satu dan penghulu kita Muhammad pun satu dan Quran pun satu?

Jawab: Adanya mazhab-mazhab di dalam Islam itu hanyalah sebagai nikmat aliran fikiran juar. Hukum-hukum mereka itu adalah bersandar kepada kitab Allah dan Sunnah Rasul. Pendapat mereka itu berselisih hanya tentang memahamkan atas tujuan-tujuan sesuatu yang berkenaan dan masing-masing Imam mazhab itu memberi ingat kepada orang-orang yang di belakangnya bahawa apabila didapat fikiran dan pendapat itu bersalahan dengan kitab Allah dan Sunnah Rasul maka hendaklah fikiran pendapatannya itu ditinggalkannya—tidak mesti diikut ini menjadi hajat bagi kita untuk menetapkan bahawa mereka itu tidak mengeluari kehendak-kehendak kitab Allah.

Perselisihan-perselisihan di antara mazhab-mazhab itu berlaku terbitnya ialah daripada kejahilan-kejahilan pengikut-pengikut mereka itu—taklid buta kalau kita halusi segala faham-faham mereka itu dengan saksama maka lain tidak hanya tentang mengambil fahaman atas sesuatu tujuan yang terbit daripada sesuatu ayat yang umum.